

Kesaksian martir: Tuhan mengalahkannya kejahatan

TAKHTA SUCI: “Kita tidak boleh melupakan para martir yang memberikan nyawa kerana iman mereka. Kita bertanggung besar terhadap mereka dan kita tidak boleh mengabaikan mereka,” kata Sri Paus Fransiskus pada Julai 5 lalu, yang mengumumkan penubuhan komisi untuk menyelidik dan mengkatalogkan kisah-kisah martir Kristian dari milenium ketiga.

Sri Paus Fransiskus mengeluarkan surat yang mengumumkan penubuhan Komisi untuk Para Martir Baru — Saksi-saksi Iman di bawah naungan Dikasteri untuk Penggelaran Orang Kudus.

Tugas komisi itu adalah untuk mewujudkan arkib kehidupan para martir Kristian, sama ada Katolik dan bukan Katolik, yang telah menumpahkan darah mereka kerana mengagui Kristus dan terkorban kerana menjadi saksi kepada Injil, serta terbunuh pada suku abad yang lalu, kata Sri Paus.

Bapa Suci menjelaskan bahawa beliau tidak mengubah undang-undang kanon mengenai pengiktirafan rasmi para martir dalam Gereja Katolik, tetapi mahu kesaksian mereka yang terbunuh kerana iman mereka turut dikenali dengan para martir yang diiktiraf secara rasmi oleh Gereja.

“Seperti yang telah saya katakan berkali-kali, para martir adalah lebih ramai pada zaman



Para paderi menghadiri Misa untuk kanosasi dua orang santo baru, Sto Artemide Zatti dan Sto Giovanni Battista Scalabrini pada Oktober 2022. Gambar: Media Vatikan

kita berbanding abad-abad awal. Mereka adalah uskup, paderi, rohaniwan, orang awam dan keluarga dari negara-negara yang berlainan di dunia, telah menghadiahkan hidup mereka dan menawarkan amal kasih yang sangat mulia,” ujar Sri Paus Fransiskus.

Sri Paus Fransiskus berkata beliau menubuhkan komisi itu sempena Tahun Jubli 2025, yang akan memberi tumpuan kepada tema harapan.

“Harapan menghidupkan keyakinan mendalam bahawa kebaikan lebih kuat daripada kejahatan kerana Tuhan dalam Kristus telah

mengatasi dosa dan kematian,” katanya.

Sangti Papa juga mengenang Sri Paus Yohanes Paulus II yang telah membentuk komisi yang sama mengenai para martir baru untuk Jubli Agung 2000.

Komisi terdahulu, telah menerima 13,000 testimoni lelaki dan wanita yang telah memberikan hidup mereka untuk Kristus pada abad ke-20, dan beberapa kisah itu telah dikongsi semasa ibadat doa ekumenikal di Colosseum pada Mei 7, 2000, bersama-sama dengan Uskup Roma, wakil-wakil Gereja dan masyarakat eksklesial dari seluruh dunia.

Ekumenisme darah

Menurut Sri Paus, acara serupa ini juga akan dirayakan pada Tahun Jubli 2025. Acara penting ini disebutnya sebagai “ekumenisme darah.”

“Walaupun banyak perubahan pada zaman ini, orang Kristian terus menunjukkan — meskipun menghadapi banyak risiko — atas dorongan karunia dan rahmat Pembaptisan, telah mempersatukan kita,” jelas Bapa Suci.

Prelatus itu menyatakan bahawa sesetengah orang Kristian, walaupun menyedari bahawa sedang mengintai dalam kehidupan mereka, tetapi tetap secara terbuka mengamalkan iman mereka dan mengambil bahagian dalam liturgi hari Minggu; ada yang telah terbunuh semasa melakukan kerja-kerja amal kepada orang miskin; dan ada yang menjadi “mangsa senyap” iaitu kehilangan nyawa mereka dalam pergolakan ganas.

Fransiskus merujuk surat apostolik Sto Yohanes Paulus II pada tahun 1994, *Tertio Millennio Adveniente*, yang mengatakan bahawa “segala-galanya mesti dilakukan supaya warisan ‘para tentera yang tidak dikenali dan gugur’ kerana Tuhan, tidak hilang atau dilupakan.”

Dalam dunia di mana kejahatan berlaku, saya percaya, katalog tentang perjuangan para martir ini dan juga dalam konteks Jubli yang akan datang, akan membantu umat beriman untuk membaca masa kita dalam cahaya Paskah, memahami dan menghargai kesetiaan dan kemurahan hati para martir, yang mengajar kita sebab dan hala tuju kehidupan serta kebaikan.” — *CNA/Media Vatikan*

Vatikan tawarkan indulgensi penuh sempena Hari Datuk, Nenek dan Warga Tua Sedunia

VATIKAN: Sekali lagi Vatikan menawarkan indulgensi pleno (pelepasan penuh) sempena Hari Datuk, Nenek dan Warga Tua yang dirayakan pada Julai 23.

Indulgensi itu boleh diterima oleh datuk, nenek dan warga tua dan semua Katolik yang “didorong oleh semangat sejati pertobatan dan amal”, dengan mengambil bahagian dalam Misa yang dipimpin oleh Sri Paus Fransiskus pada Julai 23 di Basilika Sto Petrus, atau mengunjungi warga emas, kata Vatikan.

Indulgensi ini juga tertakluk kepada syarat-syarat biasa Pengakuan sakramen,

menerima Tubuh dan Darah Yesus dan mendoakan intensi Bapa Suci.

Hari Datuk, Nenek dan Warga Tua ini disambut pada Julai 23 dengan tema, “Ramat-Nya turun temurun” (Lk 1:50).

Penitentiary Apostolic memanjangkan Indulgensi Pleno kepada semua yang mengunjungi warga emas — sama ada secara peribadi atau dalam talian — lebih-lebih lagi mereka yang memerlukan atau menghadapi kesukaran, seperti orang sakit, orang tua yang terabai dan orang kurang upaya.

Bagi mereka yang sakit, tidak dapat bangun atau mempunyai alasan serius se-



hingga tidak dapat menghadiri Misa Kudus di basilika pada Julai 23, Sri Paus juga memberi mereka pelepasan umum dengan syarat mengikuti Misa dalam talian.

Hari Datuk, Nenek dan Warga Tua Se-

dunia berfungsi sebagai peringatan tentang kebijaksanaan, pengalaman, dan cinta yang tidak ternilai yang ditawarkan oleh generasi tua kepada masyarakat dan Gereja. — *media Vatikan*

Rumah di dunia hanyalah sementara

Kita suci menyatakan kepada kita bahawa dalam kehidupan ini, kita tidak mempunyai bandar yang berkekalan. Sangat betul.

Tetapi, bukan itu sahaja, nampaknya, kita juga tidak mempunyai rumah yang berkekalan, sekolah, kejiranan, pekan, alamat poskod, atau kebanyakan perkara lain.

Akhirnya tiada apa yang kekal. Mungkin kes saya tidak tipikal, tetapi banyak perkara dalam hidup saya yang tidak bertahan.

Datuk dan nenek saya adalah pendatang, Rusia-Jerman, berpindah ke ladang gandum di Kanada dan menjadi antara petani pertama yang membuka tanah di sana pada awal tahun 1900-an.

Mereka masih muda, begitu juga kehidupan ketika itu di ladang gandum. Generasi pada masa itu membuka ladang-ladang baru, sekolah dan bandar-bandar di seluruh dataran besar Kanada dan Amerika Syarikat.

Saya dilahirkan dalam generasi kedua dan menyaksikan urbanisasi dan perubahan lain telah mula 'menghilangkan' apa yang telah dibina oleh generasi pertama. Jadi, inilah kisah saya yang tidak mempunyai bandar yang kekal: Sekolah rendah saya ditutup selepas saya selesai darjah enam.

Kami telah dibawa ke sekolah sentral yang lebih besar dan bangunan sekolah lama kami telah diruntuhkan.

Tiada apa-apa yang kekal hari ini untuk menunjukkan bahawa wujudnya sebuah sekolah di situ.

Sekolah baru yang saya hadiri pula, ditutup beberapa tahun selepas saya tamat pengajian.

Bangunan itu sendiri telah musnah dan hari ini, tinggalan sekolah itu semakin terhapus di tengah-tengah ladang yang luas.

Hanya tinggal plak kecil yang menunjukkan pernah ada kehidupan yang meriah, pernah ada beratus-ratus suara kaum muda berkumadang dengan penuh tenaga.

Sekolah itu terletak beberapa batu dari sebuah bandar kecil dan bandar itu sendiri, kini telah hilang sepenuhnya, tanpa ada satu bangunan yang tersisa.


Selepas sekolah menengah, saya ke rumah novitiate Oblate yang terletak di tengah-tengah lembah Qu'Appelle, sebuah bangunan berhampiran tasik.

Beberapa tahun selepas saya tamat pengajian di sana, bangunan itu dijual dan tidak lama selepas itu, ia musnah dalam kebakaran. Kini, kawasan itu hanya kelihatan satu relong ladang gandum yang kosong.

Dari situ, saya berpindah ke seminari lain, sebuah bangunan lama yang indah (dahulunya Rumah Kerajaan untuk Wilayah Barat Laut) dan menghabiskan enam tahun indah di sana.

Sekali lagi, beberapa tahun selepas saya tamat pengajian, bangunan itu ditinggalkan, dan ia juga akhirnya musnah oleh kebakaran.

Dari sana saya berpindah ke Newman Theological College di Edmonton di mana saya meng-



habiskan lima belas tahun. Kolej Newman mempunyai kampus yang indah di pinggir bandar, tetapi beberapa tahun selepas saya pergi, kampus itu dirampas oleh bandar untuk membina jalan lingkar dan semua bangunannya telah musnah.

Kemudian, dari sana, saya berpindah ke bangunan yang indah, kediaman Wilayah Oblate di Saskatoon. Beberapa tahun kemudian, selepas saya berpindah, bangunan itu juga musnah dan tiada apa yang kekal di tanah ia didirikan.

Dan, semasa semua ini berlaku, bandar kecil di mana keluarga kami berurusan (untuk surat menyurat, barangan runcit, untuk perkhidmatan, untuk identiti) menjadi bandar hantu tanpa penduduk, maka semua bangunannya ditutup.

Akhirnya, saya berpindah ke Sekolah Teologi Oblate di Texas untuk tinggal di sebuah rumah

kecil yang dikhaskan untuk presiden sekolah.

Walau bagaimanapun, selepas beberapa tahun, tanah rumah itu diperlukan untuk membina seminari baru dan rumah itu juga dibakar.

Akhirnya, yang paling menyakitkan, dua tahun yang lalu, rumah keluarga kami, rumah kami selama lebih dari 70 tahun, telah dijual dan pemilik baru (tanpa meminta izin daripada keluarga kami) membakar rumah lama kami hingga menjadi debu.

Maka, begitu banyak 'akar-akar' kehidupan saya yang hilang: sekolah rendah saya, sekolah menengah saya, bandar keluarga yang menghubungkan kami, kedua-dua seminar tempat saya graduasi, kolej di mana mula-mula saya mengajar, kedua-dua rumah Oblate saya di mana saya menghabiskan tahun-tahun indah, dan rumah keluarga - semuanya telah lenyap, dibakar hingga jadi debu, tidak ada yang tersisa untuk dilihat kembali. Bagi anda, apa perasaan anda?

Mungkin, nostalgia. Betapa saya ingin untuk kembali berada di bangunan-bangunan itu, untuk menghayati ia pernah memberi makna mendalam terhadap saya dan untuk meluangkan waktu mengenang memori yang manis. Tetapi, semua ini tidak dapat dilakukan lagi. Setiap bangunan itu telah lenyap dan meninggalkan kenangan serta kerinduan di dalam hati saya.

Tetapi pada sisi positifnya, semua yang tidak diingini juga

lenyap dan membantu saya untuk melupakan segala perkara yang pahit dan membantu saya melepaskan apa yang tidak boleh dilepaskan sebelum ini, membantu saya untuk menghadapi kematian saya sendiri selain berani menghadapi nostalgia yang kurang menyenangkan.

Juga, ini telah mengajar saya sesuatu yang lain. Bangunan dan rumah mungkin hilang, tetapi rumah di hati kita tidak bergantung pada bangunan dan rumah di dunia.

Rene Fumoleau, seorang penyair dari masyarakat kaum Dene, berkongsi bagaimana dia pernah melawat sebuah keluarga yang kehilangan rumah kerana kebakaran. Berikut merupakan petikan perbualannya dengan seorang gadis muda:

Keesokan harinya saya melawat keluarga yang kehilangan rumah akibat kebakaran.

Apa yang boleh saya katakan dalam tragedi itu? Saya cuba berbual dengan seorang kanak-kanak perempuan berusia sepuluh tahun:

"Joan, anda mesti sedih kehilangan rumah."

Gadis muda itu memberi jawaban yang padu: Oh, kami masih mempunyai rumah. Yang tiada ialah rumah fizikal untuk kami tinggal" (Home – Here I sit)

Ya, kita tetap mempunyai rumah meskipun ia telah musnah atau lenyap. — **Hakcipta Terpelihara 1999-2023 @ Fr Ron Rolheiser**

Berbahagialah mereka yang memelihara Sabda Tuhan

Sejak kecil lagi kita selalu diberi peringatan oleh ibu bapa dan guru-guru melalui perkataan yang ditegaskan atau diulang-ulang.

Memang benar menurut pengalaman saya sendiri sewaktu masih di bangku sekolah rendah, saya pernah disuruh oleh guru untuk menulis perkataan dan ayat-ayat yang saya tidak faham sampai sepuluh, lima puluh malah pernah sampai seratus kali.

Perkataan-perkataan dan ayat-ayat tersebut sampai sekarang saya masih ingat. Mungkin melalui pengalaman seperti inilah pemimpin-pemimpin kita menggalakkan rakyat untuk selalu melaung-laungkan slogan seperti "Malaysia boleh" dan "1 Malaysia," melalui iklan di akhbar-akhbar, radio dan di televisyen pada setiap hari.

Nampaknya ada rasionalnya juga mengapa setiap minggu kita mendengar kisah-kisah Alkitab dan ajaran-ajaran Yesus yang sifatnya berbentuk perumpamaan yang diulang-ulang supaya ia menjadi "milik mu untuk selamanya."

Salah satu perumpamaan tersebut adalah tentang seorang

penabur yang kita dengar kesekian kalinya di dalam Injil hari minggu ini.

Seorang peladang menaburkan benih-benih ke ladangnya. Sebahagian benih jatuh di pinggir jalan. Lalu datanglah burung dan memakannya sampai habis.

Sebahagian benih jatuh ke atas tanah yang banyak batunya, walaupun tumbuh tapi cepat layu dan mati.

Sebahagian benih jatuh di tempat semak duri, walaupun tumbuh tapi akhirnya mati dihipit oleh semak duri tersebut. Namun sebahagian benih yang jatuh di tanah yang subur berbuah banyak.

Kisah perumpamaan tersebut merupakan suatu simbol. Tuhan adalah si penabur benih-benih tersebut iaitu Sabda-Nya yang berisikan ajaran-ajaran-Nya kepada kita.

Sedangkan pelbagai bentuk tanah ladang di mana benih itu ditaburkan adalah tanda pelbagai sikap manusia yang mendengar dan memberi respons terhadap Sabda-Nya itu.

Marilah kita bersama-sama merenungi perumpamaan tersebut sehubungan dengan apa yang harus kita lakukan agar ajaran-

ajaran Tuhan tersebut menjadi subur, berbuah dan menjadi milik kita untuk selamanya.

Orang-orang yang menerima Sabda Tuhan "dipinggir jalan" itu menunjukkan orang-orang yang membiarkan kuasa kegelapan mengambil Sabda Tuhan keluar daripada hati mereka.

Misalnya mereka membenarkan orang mempengaruhi mereka bahawa Gereja itu ketinggalan zaman, kuno dan tidak sesuai lagi dengan kehidupan zaman moden maka ia perlu dilupakan saja. Mereka yang menerima Sabda Tuhan "di tanah yang berbatuan" itu pula adalah orang-orang yang pada mulanya bergembira dan penuh semangat.

Namun kerana kurang mendalam dan tidak berakar jauh ke dalam hati, maka mereka lambat laun menjadi hambar dan hilang begitu sahaja misalnya mereka yang menyertai kelompok karismatik, kerahiman ilahi, legio Maria yang pada mulanya begitu bersemangat tapi kerana kurangnya motivasi, ketahanan dan kesetiaan, maka ia perlahan-lahan hilang begitu sahaja.

Orang yang menerima Sabda Tuhan "di tanah yang semak ber-

**HARI MINGGU BIASA KE-15
TAHUN A
YESAYA 55:10-11;
ROM 8:18-23;
INJIL MATIUS 13:1-23**

duri" adalah orang-orang yang mendengar Sabda Tuhan namun segala tekanan dan kebingungan hidup telah menghimpitnya.

Orang-orang jenis ini adalah mereka yang terlalu sibuk dan terlalu asyik mengejar kekayaan sehingga lupa terhadap perkara-perkara yang lebih penting seperti berdoa, berkomunikasi baik dengan pasangan, anak-anak dan sesamanya yang ada di sekelilingnya.

Memang ini bukan bererti kita tidak dibenarkan untuk berusaha untuk mendapatkan harta kekayaan, namun kita diperingatkan bahawa pembangunan insan itu perlu diimbangi dengan hal-hal yang rohani iaitu campurtangan Tuhan di dalam kehidupan harian kita.

Akhirnya orang-orang yang menerima Sabda Tuhan melalui "tanah subur". Ia sebagai tanda

bahawa mereka yang menerima Sabda Tuhan dan menghayati serta mengamalkannya di dalam hidup mereka setiap hari sehingga menghasilkan buah roh yang berlimpah-limpah bagi Tuhan, sesama dan dirinya sendiri.

Memang tidak dapat dinafikan bahawa Sabda Tuhan dengan segala ajaran-Nya sungguh berkuasa untuk mentransformasikan hidup kita agar berbuah banyak dengan syarat kita membuka pintu hati kita terhadap Roh Kudus agar Tuhan dapat berkarya untuk membangun kerajaan-Nya di dunia ini.

Namun persoalannya, tanah jenis yang bagaimanakah yang kita sediakan untuk menerima Sabda Tuhan itu? Apakah tanah di pinggir jalan? Berbatu? Semak duri? Ataukah memang tanah yang subur? Fikir-fikirkanlah! — **santapan rohani**

Tidak akan ada kehidupan Kristiani tanpa bantuan Roh Kudus

KLUANG: CHARIS Bahasa Malaysia Keuskupan Melaka-Johor menganjurkan retret Menerima Karunia Roh Kudus di Oasis Canossian Convent, Kluang Johor pada Jun 17-18 lalu.

Seramai 50 orang peserta telah menyertai retret yang dikendalikan oleh pembicara berpengalaman iaitu Sdra Jude Antoine.

Dalam sesi ceramahnya, Jude menjelaskan bahawa setiap umat yang sudah dibaptis dan menerima Sakramen Krisma, telah pun diurapi dengan kuasa Karunia Roh Kudus di dalam diri masing-masing.

Oleh itu, karunia Roh Kudus yang ada perlu diaktifkan dan digunakan semasa melayani Gereja dan kehidupan seharian.

Para peserta juga dibimbing bagaimana untuk berbahasa roh dan bernubuat melalui sesi bengkel.



Para peserta retret "Menerima Karunia Roh Kudus" dimantapkan pengetahuan tentang karunia Roh Kudus.

Jude mengatakan, 'Untuk menerima anda harus memberi terlebih dahulu' iaitu untuk menerima karunia Roh Kudus, kita haruslah melayani terlebih dahulu kepada yang memerlukan.

Beliau berpesan agar umat perlu memberanikan diri dan 'jangan tunggu' untuk berkongsi bakat dan menjadi saluran Roh Kudus untuk menyebarkan Khabar Gembira.

Selepas sesi pencerahan Roh Ku-

dus, yang merupakan kemuncak acara, ramai peserta yang mengatakan mereka dapat mendengar suara Tuhan, jiwa merasa tenang dan paling menyentuh adalah mempelajari dan menggunakan bahasa Roh buat

kali pertama.

Sesi lain yang disampaikan dalam retret ini menekankan kepentingan melengkapi peribadi sendiri sebagai seorang pelayan karismatik serta diteguhkan, dikuatkan, diperkasakan dan diperkayakan melalui sesi ceramah dan bengkel yang diberikan.

Selain itu, para peserta dapat mempelajari dan mengenal pasti jenis-jenis karunia Roh Kudus yang pada diri mereka.

Jude mengatakan 'karunia Roh Kudus yang ada di dalam diri, perlu diaktifkan dengan menyerahkan kepercayaan kepada Tuhan Yesus kerana pada masa kita percaya, Roh Kudus bekerja dalam diri dan berkata-kata melalui bahasa roh.

Retret ini diakhiri dengan perayaan Misa Kudus yang dipimpin oleh Fr Paul Sia.

Majlis Graduasi 'the Covid Batch' Monfort, Melaka

MELAKA: Majlis graduasi ke-21 pelajar lelaki Pusat Belia Montfort (MYC) pada Jun 25 lalu, adalah detik sangat istimewa dan membanggakan.

Majlis ini telah disempurnakan oleh YB. Datuk Hajah Kalsom binti Noordin dari Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Pengarah kepada MYC, Bro Peter Kolandai Samy, SG, dalam ucapannya, berkata, "Kumpulan ini digelar 'The Covid Batch'. Para graduan ini melalui fasa yang sukar, mereka melakukan orien-

tasi dan pembelajaran mereka atas talian semasa semester pertama. Mereka juga menjalani ujian swab setiap kali kembali selepas cuti dan dikuarantin selama beberapa hari sebelum kelas disambung semula.

Oleh itu, Bro Peter sangat bersyukur dan berpuas hati dengan pencapaian para pelajar "The Covid Batch" yang semakin mahir serta nilai diri mereka juga semakin baik.

Para graduan menerima Sijil Kemahiran Malaysia bagi Perkhidmatan Membaiki Kenderaan



Ringan Tahap Dua, Sijil Operasi Sistem Komputer Tahap Tiga dan Sijil Institut Latihan Perindustrian bagi Pemasangan Elektrik Fasa Satu dan Sijil Monfort.

Pada tahun ini, terdapat ramai penerima anugerah, seperti Anugerah St Louis, Anugerah Tokoh Disiplin Terbaik, Anugerah Pengawas Cemerlang, Anugerah

Kepimpinan, Anugerah Pelajar Mekanik Motor Terbaik dan Anugerah Pelajar Terbaik. Tidak setiap tahun graduan menerima anugerah tersebut.

Tanya Jawab



Adakah anda mempunyai persoalan agama, Kitab Suci atau ajaran Gereja?

Hantarkan soalan anda ke:

HERALD
5, Jalan Robertson,
50150 Kuala Lumpur

Tel: 03-2026 8291

Email:
liza@herald.com.my

Apakah semua Bapa Suci bakal jadi Santo?

Soalan: Sesudah Sri Paus Yohanes Paulus II dan Sri Paus Yohanes XXIII dinyatakan sebagai santo, apakah semua Sri Paus moden akan digelar santo?

Di antara Sri Paus yang pernah ada, berapa ramai yang mendapat gelaran santo?

Jawaban: Pertama, memang benar, sudah ada tiga orang Sri Paus sejak Konsili Vatikan II yang telah dan akan dinyatakan sebagai orang kudus.

Namun, kita tidak dapat mengatakan bahawa semua Sri Paus moden akan dinyatakan sebagai santo.

Penggelaran santo bergantung kepada teladan hidup dan kesucian yang ditunjukkan ketika hidup serta karya-karya agung yang dihasilkan seseorang. Ertinya, setiap Sri Paus bukan automatik akan dinyatakan sebagai orang kudus.

Kedua, sejak Petrus menjadi Sri Paus pertama sehingga Sri Paus Fransiskus, kita sudah memiliki lebih dari 260 orang Sri Paus.

Dari antara mereka, sudah ada 84 orang. Jadi, ada sekitar sepertiga dari para paus yang dinyatakan sebagai kudus. Ini menunjukkan, tidak semua Sri Paus dinyatakan sebagai orang kudus.

Menurut tradisi, empat puluh orang Sri Paus pertama termasuk Petrus, kecuali satu orang, dinyatakan sebagai orang kudus. Dalam per-

janaan sejarah Gereja, ada sekitar 30 Sri Paus yang dinyatakan sebagai santo.

Perlu diketahui bahawa pada zaman dahulu, proses penyataan sebagai orang kudus belum melalui proses formal penyelidikan, pemeriksaan, dan pernyataan kekudusan di bawah pengawasan kepausan seperti sekarang.

Menjadi orang kudus dinyatakan secara aklamasi, melalui kesaksian yang mengerti dan menyatakan di depan umum bahawa seseorang itu kudus.

Ketiga, sejak Abad Pertengahan, ketika mulai digunakan proses formal untuk menyatakan sebagai santo, ada lima orang Sri Paus yang telah dinyatakan sebagai santo, iaitu Selestinus V (1294), Pius V (1566- 1572), Pius X (1903-1914), Yohanes XXIII (1958-1963), dan Yohanes Paulus II (1978-2005).

Soalan 2: Apa erti moto Sri Paus Fransiskus, miserando atque eligendo? Apa alasan pengambilannya itu? Dan mengapa tidak lagi digunakan tiara dalam simbol kepausan?

Jawaban: Pertama, moto Sri Paus Fransiskus, miserando atque eligendo (dengan belas kasih dan dengan memilih) diambil dari khutbah St Bede, Pujangga Gereja.

Teks lengkap berbunyi, *Vidit ergo Jesus publicum, et quia miserando atque eligendo vidit, ait illi, "Sequere me."* (Kemudian Yesus meli-

hat pemungut cukai itu, dan ketika melihat dengan belas kasih dan dengan memilih, Dia berkata kepadanya, "Ikutlah Aku.")

Khutbah ini didasarkan Injil Matius 9:9- 13. Moto ini sudah ia gunakan ketika terpilih menjadi Uskup. Ketika Msgr Bergoglio terpilih menjadi Sri Paus, dia tetap mempertahankan moto tahbisan episkopal ini dalam lambang kepausan.

Kedua, moto Paus Fransiskus merujuk pada momen awal ketika beliau mengalami jatuh cinta pertama akan panggilan Tuhan. Ketika itu beliau berusia 17 tahun. Pada Pesta St Matius, tahun 1553, Jorge mengalami kehadiran Tuhan yang penuh cinta.

Hatinya tersentuh dan Jorge merasakan belas kasih Tuhan. Pada saat itulah, beliau merasakan panggilan Tuhan yang kuat dan berkobar-kobar. Pengalaman religius pertama yang indah itu diangkatnya sebagai moto tahbisan episkopal dan lalu diperjelas sebagai moto Pimpinan Tertinggi Gereja.


Ketiga, tiara adalah mahkota kepausan. Sejak Sri Paus Yohanes Paulus I, tiara kepausan sudah tidak digunakan. Tiara diganti mitra yang bererti topi.

Dikatakan bahawa tiara lebih melambangkan kemegahan duniawi dan lambang kuasa temporal adalah tidak sesuai bagi seorang Sri Paus.


— **Fr Dr Petrus Maria Handoko CM, hidupkatolik.com**

Sahabat kecil Yesus

Sambungkan titik-titik pada gambar di bawah dan warnakan.



Yesus menyampaikan perumpamaan tentang sang penabur. Seorang penabur keluar menabur benih (Mat 13:3-9). Lengkapi perkataan di dalam kotak pada gambar di bawah untuk melihat di mana benih itu jatuh.



Firman yang keluar dari mulut-Ku, tidak akan kembali kepada-Ku dengan sia-sia, tetapi akan melaksanakan apa yang Ku kehendaki dan akan berhasil dalam apa yang Kusuruhkan kepadanya - Yesaya 55: 11

Cari Perkataan Tersembunyi

M	G	T	A	N	A	H	T	I	P	I	S
T	A	N	A	H	B	A	I	K	T	K	B
R	C	K	E	R	I	N	G	L	U	P	E
B	V	Z	M	E	N	D	E	N	G	A	R
U	R	E	H	B	A	O	J	D	C	Y	B
R	B	E	R	B	A	T	U	B	A	T	U
N	W	B	E	R	T	E	L	I	N	G	A
U	K	J	M	A	T	A	H	A	R	I	H
N	G	R	O	T	U	M	B	U	H	S	M
G	N	L	D	S	R	T	Y	Q	N	L	V
U	V	M	E	N	A	B	U	R	B	T	R
J	B	Q	S	E	R	A	T	U	S	I	K
P	I	N	G	G	I	R	J	A	L	A	N



KERING
MENDENGAR
TANAH TIPIS
TANAH BAIK

BURUNG
PINGGIR JALAN
SERATUS
BERBUAH

MATAHARI
TUMBUH
MENABUR
MENGENGAR

BERTELINGA
BERBATU BATU

Benih yang ditaburkan di tanah yang baik ialah orang yang mendengar firman itu dan mengerti, dan kerana itu ia berbuah, ada yang seratus kali lipat, ada yang enam puluh kali lipat, ada yang tiga puluh kali lipat." (Mat 13:23)

Tulis semula kod rahsia ini untuk membaca pesan Yesus.

b: 10 e: 10 r: 10 t: 10 l: 10 i: 10 n: 10
g: 10 a: 10 m: 10 d: 10

Siapa

10 10 10 10 10 10 10 10

hendaklah dia

10 10 10 10 10 10 10 10

Hello adik-adik,

Apa khabar? Injil pada hari Minggu ini menyatakan tentang Yesus yang menerangkan perumpamaan penabur yang menabur benih sepanjang jalannya.

Benih itu umpama Firman Tuhan yang didengar oleh pelbagai lapisan umat.

Ada orang yang mendengar Firman Tuhan tetapi secara lewa. Ada benih yang jatuh ke jalanan kemudian dimakan oleh burung.

Ada yang suka mendengar Firman Tuhan tetapi hanya seketika, ia umpama benih yang jatuh di permukaan berbatu-batu, benih itu boleh tumbuh tetapi mudah tercabut kerana akarnya tidak kuat.

Ada juga umat yang mendengar Firman Tuhan tetapi disebabkan pelbagai cabaran, imannya mulai goyah dan melupakan Tuhan.

Tetapi umat yang mendengar Firman Tuhan dan memupuknya dalam hati, umpama benih yang bertunas subur, mempunyai akar yang kuat dan menghasilkan buah-buah yang banyak serta lebat.

Adik-adik, semoga kita menjadi tanah yang baik agar benih atau Firman Tuhan bertumbuh subur di dalam hati kita yang menguatkan kita untuk meneruskan misi Yesus di dunia.

Salam Sayang
Antie Melly

BELIA MILENIUM



Joy moment Inisiatif MCYMC di Keuskupan Sandakan

TELUPID: Dengan tema “Berjalan Bersama Dalam Kesatuan Dan Misi” seramai 33 peserta dari enam Keuskupan/Agung dari seluruh Malaysia menyertai program inisiatif *Malaysian Catholic Youth Ministers' Committee* (MCYMC) kali keempat pada Jun 28-Julai 2 lalu.

Lima daripada peserta merupakan ahli MCYMC manakala 28 lagi merupakan rakan MCYMC. Program inisiatif ini telah dilaksanakan di Chapel St. Patrick, Kg. Entilibon di bawah Paroki St. Martin Telupid.

Program inisiatif MCYMC ini merupakan satu program yang dilaksanakan di peringkat Keuskupan di seluruh Malaysia sebagai persiapan menuju Perhimpunan Anak Muda Katolik Malaysia (MCYPA) pada tahun 2025 dan Konvensyen Pastoral Malaysia (MPC) 2026.

Objektif program Inisiatif ini adalah; mendekati serta mengeratkan hubungan

bersama belia Katolik yang sukar diakses, menyelami realiti para belia, mendengar dan belajar; mengalami serta mengongsi kasih Tuhan kepada sesama.

Ia dimulakan dengan Misa Kudus bersama umat yang dipimpin oleh Fr. Dafrinn Diwol yang juga merupakan Penasihat Rohani Belia Keuskupan Sandakan, di Chapel St. Patrick, Kg. Entilibon.

Program inisiatif kali keempat ini dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu; *outreach* dan *post-evaluation*.

Pada Jun 29-30, para peserta telah dihantar ke beberapa buah kampung yang terpilih bagi melaksanakan aktiviti “Kerja Amal dan Iman” iaitu St. Patrick, Kg. Entilibon, St. Mary, Kg. Sanan, St. Petrus, Kg. Kronggu dan St. Bede, Kg. Bobotong.

Di kampung-kampung terpilih itu, para peserta tinggal bersama dengan keluarga angkat dan melakukan aktiviti seperti gotong-royong, melawat dan mendoakan orang sakit serta berkongsi pengalaman iman bersama belia dan semua umat.

Sekembalinya dari *‘outreach’*, para peserta meneruskan sesi *‘post-evaluation’* yang



Para peserta yang menjalani program inisiatif MCYMC kali keempat di Keuskupan Sandakan.

dikendalikan oleh tim MCYMC iaitu Sdra Roney Alfred Eming dan Josephine Tan.

Dalam aktiviti ini, para peserta MCYMC dibawa untuk melihat, merenung, menilai dan mengongsi apa pengalaman mereka dan apa yang menyentuh hati mereka serta cabaran yang dihadapi sepanjang program *‘outreach’* dalam tiga bahagian, iaitu; *‘Joy moment’*, *‘Junk moment’* dan *‘Jesus moment’*.

Manakala dalam bahagian kedua, iaitu *art/karya* artistik, para peserta diminta untuk menyatakan hasil perkongsian mereka dengan tema “Berjalan bersama” dalam bentuk lakonan, nyanyian, lukisan dan tarian.

Seusai sahaja bahagian kedua, para peserta sekali lagi dibawa untuk merenung pengalaman mereka dan mendengar apa yang Tuhan ingin katakan.

Setiap kumpulan juga diminta untuk mengubah satu doa berdasarkan Firman Tuhan yang menyentuh hati mereka, dan doa-doa ini telah didoakan semasa para-

liturgi yang dipimpin oleh Fr. Dafrinn Diwol dan Sr. Noemi Mejia FSIC.

Misa Kudus penutupan program Inisiatif diadakan pada Julai 1 yang disempurnakan oleh Fr. Christopher Ireneus, paderi Paroki St. Martin Telupid dan dibantu oleh Fr. Dafrinn Diwol.

Dalam homilinya, Fr. Christopher mengajak para peserta MCYMC untuk merenung pengalaman dan perubahan yang mereka alami selepas menyertai program tersebut dan selepas ini, apa yang mereka akan lakukan ke tempat masing-masing.

Program ini seharusnya membawa kebangkitan kepada para peserta agar menjadi peribadi yang baru dan berani menyebarkan Khabar Gembira.

Rata-rata para peserta menyatakan rasa gembira mereka dengan pengalaman baru ini.

Mereka juga menyatakan rasa diberkati dengan sokongan dan keterlibatan penuh Fr. Dafrinn sepanjang program ini. — **Sr Noemi Mejia FSIC**



Para peserta MYCMC melakukan aktiviti bersama keluarga angkat.

Mendominasi dunia digital dengan konten rohani menarik

KENINGAU: Kebanyakan mereka masih muda namun melalui pelayan Komunikasi Sosial (KOMSOS), mereka berani berjalan bersama untuk menyebarkan Khabar Gembira Tuhan.

Pada Jun 18 lalu, 19 orang yang terdiri daripada kru KOMSOS dan para penyampai radio KekitaanFM telah memperbaharui komitmen mereka dan 25 orang lagi telah menerima lantikan menjadi anggota KOMSOS yang melayani di zon dan paroki naungan Keuskupan Keningau dalam Misa Kudus yang dipimpin oleh Fr. Clement Abel, di Katedral St. Francis Xavier Keningau.



Fr. Clement yang juga Pendamping Rohani bagi Komisi KOMSOS Keuskupan Keningau berkata,

“Kita dipanggil untuk melaksanakan misi menjadi gembala bagi

sesama dan hidup berbelas kasih seperti Tuhan yang Maha Penyayang.

Terlebih dahulu, para ahli KOMSOS ini berhimpun di Rumah Retret

Keuskupan Keningau, Kg. Tatal bagi menghadiri retreat.

Retret tersebut yang diisi dengan pelbagai sesi padat bagi membantu para ahli KOMSOS lebih memahami peranan mereka sebagai alat komunikasi Tuhan dalam KOMSOS.

Ramai yang hadir pada retret itu adalah wajah-wajah belia yang pertama kali datang manakala yang lain merupakan perwakilan dari paroki Sook, Tenom, Sipitang, Beaufort, Kuala Penyu, Holy Cross Toboh dan St. Theresa Tambunan. — **Melissa FLoly**

Tiada sinode boleh mencipta 'imamat wanita'

KOTA MEXICO: Kardinal Robert Sarah, Prefek Emeritus Diakasteri untuk Penyembahan Ilahi dan Disiplin Sakramen, menekankan bahawa "imamat itu unik" dan memberi peringatan bahawa "tidak ada dasar, tidak ada sinode" yang boleh mewujudkan "imamat wanita."

Semasa menyampaikan salah satu sesi dalam Konferensi Keadilan bertajuk "Pelayan Sukacita Injil" pada Julai 3, di Seminari Conciliar di Kota Mexico.

Kardinal itu memberi jaminan bahawa tiada siapa yang "mempunyai kuasa untuk mengubah hadiah ilahi ini atau mengurangkan nilai transendennya."

"Tiada konsili, tiada sinode, tiada wewenang eklesiastikal mempunyai kuasa untuk mencipta

imamat wanita" seraya menegaskan bahawa "iman Katolik mengaku bahawa Sakramen Imamat, yang dimulakan oleh Kristus Tuhan, adalah satu, ia adalah sama untuk Gereja sejagat. Bagi Yesus, tidak ada kepaderian Afrika, Jerman, Amazona, atau Eropah. Kepaderian adalah unik, begitu juga dengan Gereja sejagat."

Dalam persidangannya, Prefek Emeritus itu menegaskan bahawa "imamat adalah misteri yang hebat dan unggul, ia adalah karunia besar yang berkuasa membuang dan menyucikan dosa."

"Ia adalah hadiah ilahi yang mesti diterima, difahami, dan hidup, dan Gereja sentiasa berusaha untuk memahami dan memasuki lebih mendalam ke dalam perib-

adi sejati paderi, sebagai seorang lelaki yang dibaptiskan, dipanggil untuk menjadi penerus misi Kristus dan dibimbing, diubah, dipanggil oleh Roh Kudus untuk memberi pelayanan Sakramen-Sakramen, menggembala domba-domba dan menjadi bapa kepada semua umat khususnya mereka yang memerlukan," jelasnya.

Kardinal itu mengatakan bahawa "tugas pertama" paderi adalah untuk berdoa, kerana imam adalah seorang lelaki pendosa: Dia memulakan harinya dengan Liturgi Ibadat Harian dan mengakhiri harinya dengan Ibadat Harian.

"Seorang paderi yang tidak berdoa adalah mati. Gereja yang tidak berdoa adalah Gereja yang mati," tegasnya.

Mengenai kekurangan paderi,



Kardinal Robert Sarah semasa memimpin Misa Kudus di Basilika Sto Petrus pada tahun 2019. | Gambar: Evandro Inetti/CNA.

Kardinal Robert mengajak umat untuk berdoa bagi panggilan.

"Umat Katolik begitu ramai di dunia ini. Kristus mentahbis 12 orang paderi untuk melayani umat-Nya. Sekarang, kita mempunyai lebih 400,000 paderi di seluruh du-

nia, tetapi masih tidak mencukupi. Oleh itu, kita harus berdoa.

Dan para paderi juga harus tunjukkan anda bersukacita dan selalu senyum, kerana jika anda sedih, kaum muda lelaki tidak tertarik untuk menjadi paderi!" — CNA

Masjid, Gereja kempen 'derma sampah' kurangkan plastik



Para sukarelawan sedang mengasingkan sampah mengikut kategori di Katedral Bogor, Indonesia. Gambar: LiCAS.

BOGOR, Indonesia: Di Indonesia, masjid dan Gereja bekerjasama mencapai dua sasaran penting iaitu mengajak masyarakat menguruskan sisa dan menggunakan keuntungan yang diperolehi untuk menyokong aktiviti untuk penganut masing-masing.

Keuskupan Bogor di Jawa Barat, bekerjasama dengan rumah ibadat lain dan kerajaan untuk melancarkan "Kolekte Sampah".

Fr Yosef Segu, pengerusi Komisi Ekologi Keuskupan Bogor, mengatakan bahawa "Kolekte Sampah" adalah satu bentuk pertobatan ekologi seperti yang diseru dalam *Laudato si'*, ensiklik mengenai keadilan ciptaan Tuhan oleh Sri Paus Fransiskus.

Pada ketika ini terdapat 28 gereja di bawah Keuskupan Bogor sedang melakukan inisiatif itu. Jika Gereja mengelolakan kempen "kolekte sampah", pihak masjid pula berkempen melalui Gerakan Sedekah Sampah Indonesia (GRADASI).

Gradasi menggalakkan komuniti setempat "menderma" sisa isi rumah di masjid.

Data daripada Sistem Maklumat Pengurusan Sisa Kebangsaan Indonesia menunjukkan negara itu menghasilkan 19 juta ton sisa pada 2022, dengan 18.2 peratus daripadanya adalah plastik.

Sisa plastik telah menyebabkan

banyak masalah di kepulauan seperti landskap yang hodoh, ekosistem marin tercemar, dan berpotensi, masalah kesihatan akibat larut lesap mikroplastik.

Gerakan dan pendekatan yang dikendalikan oleh rumah-rumah ibadat seperti "kolekte sampah" dan "Gradasi" mempunyai potensi yang kuat untuk mengubah pemikiran 280 juta rakyat Indonesia, dan membawa kepada penggunaan plastik yang lebih bijak dan pengurusan sisa plastik yang lebih baik.

Melalui dua kempen tersebut, pihak Gereja dan masjid mendapat manfaat melalui penjualan plastik yang dikumpul.

Hasil jual boleh mencecah sekitar tujuh juta rupiah (sekitar AS\$450) dan jika digabungkan dengan penjualan sisa lain seperti logam dan kertas, keuntungan meningkat hampir AS \$ 3,000.

Wang ini kemudian digunakan oleh pihak gereja dan masjid untuk membuka pusat latihan dan pembelajaran, memberi rawatan kesihatan serta membantu orang-orang yang miskin.

Meskipun menghadapi cabaran misalnya adalah kawasan yang kekurangan pusat kitar semula, namun dua gerakan ini sentiasa mencari cara penyelesaian dan berharap dapat membantu Indonesia menjaga alam ciptaan Tuhan. — LiCASnews

Kunjungan Bapa Suci ke Fatima, berdoa untuk Ukraine dan seluruh dunia

ROMA: Sri Paus Fransiskus bersedia untuk melawat Shrine Santa Perawan Maria di Fatima untuk kali kedua semasa kepausannya dan juga tempat di mana tiga orang kanak-kanak gembala menerima pesan daripada Santa Maria tentang masa depan manusia.

Lawatan singkat ke Fatima, yang akan berlangsung pada hari

Sabtu, Ogos 5, dengan menggunakan helikopter, telah ditambah dalam jadual ziarah Bapa Suci ke Portugal, yang pada asalnya hanya acara Hari Belia Sedunia di Lisbon.

Pada bulan Mei 2017, Sri Paus Fransiskus telah berziarah ke Shrine Maria yang terkenal dengan sejarah Santo Francisco dan

Jacinta Marto, dua kanak-kanak yang melihat penampakan Maria.

Bapa Suci memutuskan untuk kembali ke kaki Bonda Maria di Fatima untuk mendedikasikan doa agar konflik di Ukraine yang menyebabkan banyak penderitaan dan kematian, segera berakhir.

Enam belas bulan yang lalu, Sri Paus Fransiskus berdoa bersungguh-sungguh: "Kami telah tersesat dari jalan damai itu. Kami telah lupa pengajaran yang dipelajari daripada tragedi abad yang lalu, kami telah lupa pengorbanan berjuta-juta orang yang mati dalam dua perang dunia ... Kami telah mengkhianati impian orang ramai untuk keamanan dan harapan anak muda..."

Bintang Samudera, jangan biarkan kami karam dalam peperangan ... lindungilah dunia kami dari peperangan dan ancaman senjata nuklear." — media Vatikan



Bapa Suci Fransiskus berdoa di hadapan imej Santa Maria dari Fatima pada tahun 2017. Gambar: Media Vatikan

Caritas Thailand bantu pelarian Myanmar

BANGKOK: Salah satu badan tindakan sosial Gereja Katolik di Thailand dengan segera, menyediakan bungkusan bantuan kecemasan kepada pelarian Burma di Daerah Mae Sariang, baru-baru ini.

Setiausaha Agung Caritas Thailand, Fr Pairat Sripasert berkata, beliau dan pasukannya menggunakan kenderaan pacuan empat roda dan melalui perjalanan sukar demi menyampaikan bantuan ke kem pelarian di sempadan Thailand-Myanmar.

Paderi itu memberitahu bahawa terdapat kanak-kanak sakit yang "memerlukan rawatan di hospital" di kem pelarian yang memuatkan kira-kira 800 pelarian dari Myanmar.

Caritas Thailand juga mengagihagihkan bekalan makanan dan barangan keperluan ke sebuah kem di



kampung Sao Hin, yang menjadi tuan rumah kepada lebih daripada 4,000 penganut Katolik dan Buddha Myanmar yang melarikan diri dari konflik perang di Myanmar.

Sementara itu, Keuskupan Chiang Mai menyampaikan 3.2 tan beras dan pelbagai bahan makanan ke beberapa kem pelarian berhampiran sempadan Mae Hong Son.

Menurut data Pesuruhjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Ber-

satu bagi Pelarian (UNHCR), lebih 90,000 pelarian Myanmar tinggal di sembilan kem pelarian yang diiktiraf di sepanjang sempadan Thailand-Myanmar.

Caritas mengatakan catuan makanan semasa bernilai kira-kira 300 THB atau \$10 AS sebulan. Dilaporkan juga keadaan pelarian yang menyedihkan, terkurung dan dilarang mencari pekerjaan di Thailand. — LiCASnews.com

BERDOA MALAIKAT TUHAN BERSAMA SRI PAUS FRANSISKUS

Pembaptisan beri kita misi kenabian

ROMA: Katekesis Sri Paus Fransiskus semasa memimpin Angelus pada hari Minggu, Julai 2, menumpukan kepada bacaan Injil Matius di mana Yesus berkata, “Sesiapapa menerima nabi kerana dia adalah nabi, dia akan menerima upah nabi” (Mat 10:41).

Menyampaikan katekesis kepada penziah yang berkumpul di Dataran St. Petrus, Sri Paus memberikan renungan tentang keperluan untuk mengalu-alukan para nabi hari ini.

“Setiap daripada kita, adalah seorang nabi,” katanya, seraya menerangkan bahawa melalui Pembaptisan, kita semua menerima karunia misi kenabian.

Bapa Suci seterusnya menjelaskan bahawa seorang nabi adalah orang yang membantu orang lain membaca masa kini di bawah tindakan Roh Kudus, membantu umat untuk “memahami rancangan Tuhan dan sesuai dengan mereka.”

“Nabi adalah orang yang menunjukkan Yesus kepada orang lain, yang menjadi saksi-Nya, yang membantu hidup hari ini dan membina masa depan mengikut jalan Tuhan.”

“Kita semua nabi, saksi Yesus, orang-orang kesayangan Tuhan yang menunjukkan belas kasihan Tuhan kepada orang lain, garam dan cahaya Tuhan yang menunjukkan jalan menuju ke kerajaan Syurga buat saudara dan saudari kita,” jelas Sri Paus.

Sangti Papa mengajak orang-orang yang beriman untuk bertanya kepada diri sendiri sama ada selama ini, mereka hidup sebagai saksi Yesus, membawa sedikit cahaya-Nya ke dalam kehidupan orang lain atau hanya



Melalui Sakramen Pembaptisan, kita semua menerima karunia misi kenabian.

melihat dan berpeluk tubuh?

“Pernahkah kita bertanya kepada diri sendiri: Apakah peranan saya sebagai saksi Yesus? Adakah saya bertindak dan berfikir seperti nabi yang dikehendaki oleh Yesus?”

Bapa Suci menekankan bahawa Injil pada hari itu meminta semua umat untuk mengalu-alukan para nabi.

“Adalah penting untuk mengalu-alukan satu sama lain seperti mereka yangewartakan Khabar Gembira, misalnya para klerus, misionari, religius, katekis, pembimbing Sekolah Minggu dan sebagainya.”

“Mengalu-alukan para nabi adalah sesuatu yang perlu dilakukan di mana kita tinggal, dalam keluarga, di paroki, dalam

komuniti agama, di tempat lain dan dalam masyarakat.

Sebagai contoh, apabila keputusan penting perlu dibuat, adalah baik untuk berdoa terlebih dahulu, memanggil Roh Kudus kemudian mendengar dan berdialog, mempercayai bahawa setiap orang, walaupun anak kecil, kerana mereka mempunyai sesuatu yang penting untuk dikatakan, inilah anugerah kenabian untuk dikongsi,” katanya.

Katanya, mengalu-alukan para nabi “bukanlah kerana mereka mengatakan apa yang menyenangkan kita, sebaliknya membuatkan mereka berasa diterima dan anugerah serta bakat mereka diterima.” — CNA

PENULIS BERKICAU

Reaksi awam hukuman mati dimansuhkan

Pada tahun 2018, saya merupakan salah seorang majoriti yang menandatangani permohonan pemansuhan hukuman mati di Malaysia.

Akhirnya, selepas beberapa tahun, pada Julai 4 lalu, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi) Ramkarpal Singh mengumumkan tiada lagi hukuman mati mandatori dan pemenjaraan sepanjang hayat di Malaysia susulan penguatkuasaan Akta Pemansuhan Hukuman Mati Mandatori 2023 (Akta 846).

Buat masa ini, 108 negara sudah memansuhkan hukuman mati berbanding 55 negara yang masih mengekalkannya. Walaupun 55 negara masih mengekalkan hukuman mati namun 32 daripadanya tidak melaksanakan dalam tempoh 10 tahun.

Sebelum hukuman mati mandatori ini dihapuskan, berikut merupakan antara jenis kesalahan yang boleh dikenakan hukuman mati ialah melancarkan perang ke atas Yang di-Pertuan Agung, membunuh, mengedar dadah, menculik dan terlibat dalam aktiviti keganasan.

Selepas hukuman mati ini dimansuhkan, timbul beberapa kegusaran di kalangan segelintir orang yang risau jika dasar ini memungkinkan lonjakan kes jenayah dan pengedaran dadah.

Bagaimana jika pembunuhan berlaku di kalangan keluarga kita? Berpuas hatikah kita melihat si pelaku jenayah hanya dijatuhkan hukuman penjara? Begitu juga dengan pengedar dadah yang menyebabkan kematian ribuan orang atau si pembunuh tegar, mampukah kita bertenang si pelaku hanya dipenjarakan?

Untuk ini, kita harus kembali kepada ajaran Sri Paus Fransiskus yang menetapkan hukuman mati “tidak dapat diterima” dalam semua situasi dan bahawa Gereja Katolik harus berusaha menghapusnya, mengubah ajaran rasmi gereja untuk mencerminkan pandangannya bahawa semua kehidupan adalah sakral dan tidak ada pembenaran untuk menghukum mati terhadap pesalah oleh negara.

Setiap manusia punya hak untuk hidup, sekalipun orang itu adalah pelaku jenayah jalanan yang paling kejam. Hak hidup, elemen dasar yang melekat pada diri manusia itu, tidak boleh dicabut begitu sahaja.

Sebelum ini, selama berabad-abad lamanya, Gereja Katolik menyatakan hukuman mati dibenarkan dalam beberapa kes tertentu namun pendirian ini berubah di bawah kepimpinan Sri Paus Yohanes Paulus II dan seterusnya ditegaskan oleh Sri Paus Fransiskus yang mengubah Katekismus Gereja Katolik No. 2267 pada tahun 2018.

Mengenai kegusaran kita akan berlakunya peningkatan jenayah selepas hukuman mati dimansuhkan — jangan cepat melatah.

Saya percaya reformasi undang-undang ini adalah langkah awal dalam mentransformasikan sistem keadilan jenayah di Malaysia.

Kerajaan sedang melakukan banyak semakan dan reformasi sistem perundangan jenayah akan dilaksanakan selaras dalam mewujudkan sistem perundangan yang lebih progresif serta relevan bagi membangunkan Malaysia yang maju dari segi pemikiran, rohani dan kebendaan (MADANI).

KENYATAAN MISI HERALD

HERALD adalah Minggu Katolik Gereja Malaysia. Ia berusaha untuk menyampaikan berita-berita terkini, nilai-nilai Kristian dan berusaha untuk berdialog dengan semua sektor masyarakat untuk membina komuniti beriman kepada Tuhan yang harmoni. Kami menyokong pembentukan Gereja dan menggalakkan umat awam dan religius untuk membuat keputusan moral di arena luar Gereja.

SEMBANG-SEMBANG TENTANG IMAN

Bahagiakan kita menjadi manusia?

Di sebuah kesempatan dalam kuliah, pensyarah mengajak semua mahasiswa merenungkan pertanyaan ini: “Bahagiakah anda menjadi manusia?”

Secara peribadi, saya terkesan dengan pertanyaan tersebut. Saya turut bertanya, “Apakah binatang bahagia mendapati diri mereka sebagai binatang? Atau mungkinkah banyak dari binatang justeru kagum melihat keberadaan manusia tetapi apa yang mereka kagumi tentang manusia?”

Saya membayangkan binatang pasti kagum dengan manusia yang mempunyai akal budi, kecerdasan, dan perasaan (hati) untuk menjalani kehidupan.

“Bahagiakan anda menjadi manusia? Apakah anda juga selalu menghargai kekuatan-kekuatan yang ada dalam diri sendiri sebagai manusia?”

Saya akui, saya selalu mengabaikan kekuatan yang telah dianugerahkan Tuhan dalam diri kita masing-masing dengan pelbagai alasan. Mungkin kerana terlalu banyak pekerjaan, tugas rasmi, cabaran ... tetapi ironinya, ini adalah disebabkan kemalasan kita sendiri.

“Hidup itu anugerah, hidup itu hadiah. Betapa bahagia mereka yang menyedarinya, betapa ringan langkah mereka”. Demikianlah secara lirik dari lagu berjudul “Hidup itu Anugerah” yang diambil dari kidung nyanyian ACHM (Tuhan Cinta Hidup Manusia) no. 71.

Hidup adalah anugerah dan hadiah yang



Hidup ini adalah anugerah. Tuhan sentiasa bersama dengan kita.

Tuhan berikan kepada kita. Bukan atas dasar kerja keras kita.

Adakah di antara kita yang mengemis pada Tuhan supaya dilahirkan sebagai manusia? Tentu saja tidak.

Kita mendapat hadiah yang sangat besar iaitu dilahirkan sebagai manusia. Marilah kita mengambil waktu sejenak untuk menyedarinya, sehingga langkah hidup kitapun lebih ringan dan bersemangat. Marilah kita menjadi berkat bagi sesama manusia dan makhluk lain dengan menggunakan segala daya yang telah dianugerahkan Tuhan pada kita.

Tidak dinafikan, sebagai manusia kita akan tiba di fasa atau posisi paling rendah, paling sedih atau malang dalam hidup. Namun, semoga kata-kata Rasul Paulus ini

mampu memberikan kita semangat dalam menghadapi rintangan: “pencubaan-pencubaan yang kamu alami ialah percubaan biasa, yang tidak melebihi kekuatan manusia. Sebab Tuhan setia dan kerana itu Dia tidak membiarkan kamu dicubai melampaui kekuatanmu. Pada waktu kamu dicubai, Dia akan memberikan kepadamu jalan ke luar; sehingga kamu dapat menanggungnya.” (1 Kor. 10:13)

Dan jangan lupa akan kehadiran Tuhan dalam kehidupan sehari-hari. Seringkali kita lupa untuk memberi ruang kepada Tuhan untuk berbicara melalui doa-doa kita. Padahal, melalui doa yang tuluslah kita mampu menimba inspirasi rohani serta menambatkan kekuatan iman kita. — Fr. Dominikus Waruwu, OSC, hidupkatolik.com

Demi sukacita Injil, kerasulan wanita berhimpun di Tawau



TAWAU: Kerasulan Wanita Katolik (KWK) Paroki Holy Trinity, Tawau telah diberi kepercayaan untuk mengelolakan Perhimpunan Agung Ke-11 dan sambutan Ulang Tahun Ke-15 Komisi Kerasulan Wanita Katolik Diosis Sandakan (CWAC) bagi tahun 2023.

Perhimpunan ini telah dihadiri 125 delegasi dari lima paroki dan satu mission di Keuskupan Sandakan.

Acara ini turut dihadiri oleh Pembimbing Rohani CWAC iaitu Fr. Christopher Ireneus, Ahli Kehormat CWAC iaitu Sr. Regina Kimung FSIC dan Sr. Julita Joseph FSIC.

Perhimpunan Agung ini dimulakan dengan Misa Kudus pembukaan yang dipimpin oleh Fr. Christopher dan Fr. Dafrinn Diwol, Pembantu Paderi Paroki Tawau, diikuti dengan majlis makan malam sebelum perhimpunan agung hari pertama.

Antara perkara yang telah diulas oleh Fr. Christopher semasa perhimpunan adalah berkaitan cara laporan, minit mesyuarat, keahilan dan jawatan dalam CWAC serta pencarian dana.

Pada keesokan harinya, per-

himpunan hari kedua dimulakan dengan Misa Kudus pagi yang dipimpin oleh Fr. David Garaman, Paderi Paroki Tawau bersama Fr. Christopher dan Fr. Dafrinn.

Program perhimpunan disambung dengan sesi bertajuk, "Sukacita Injil" yang disampaikan oleh Fr. Christopher.

Paderi itu menerangkan bahawa Sukacita Injil melatih umat khususnya ahli-ahli CWAC untuk menjadi pewarta Injil dan meninggalkan sikap puas hati.

Fr. Christopher juga mengongsi secara singkat lima bab dalam Sukacita Injil di mana setiap bab diakhiri dengan soalan refleksi.

Kemudian, selepas selesai perhimpunan tersebut, program sambutan ulang tahun ke-15 pula dijalankan.

Sambutan dimulakan dengan ucapan alu-aluan daripada Penyelaras KWK, Paroki Tawau iaitu Pn. Ernie Stephanie Edward, diikuti oleh Ketua Penyelaras CWAC, Pn. Cecelia De Souza dan diberkati pula oleh Fr. Christopher.

Sambutan ulang tahun ke-15 ini selesai pada pukul 3.30 petang dan diakhiri dengan doa penutup oleh Fr. Christopher.

Pesta Menuai membudayakan ungkapan kesyukuran



KLANG: Setelah tiga tahun tidak dapat merayakan KAGAPE (Perayaan pesta Kaamatan, Gawai dan Panen) kerana pandemik Covid-19, akhirnya Gereja Holy Redeemer Klang, dapat merayakan pesta menuai yang biasanya diraikan oleh kaum asal di Malaysia Timur dan Indonesia.

Keluarga KUBM (Kerasulan Umat Bahasa Malaysia) Holy Redeemer menganjurkan keraian ini pada Julai 2 lalu.

Hampir 300 umat memeriahkan Pesta Menuai dengan kehadiran

Paderi Paroki Fr. Andrew Kooi.

Hadirin dihiburkan dengan pelbagai persembahan kebudayaan dan dijamu dengan pelbagai makanan tradisi Borneo.

Fr. Andrew juga turut dijemput untuk mendirikan Pokok *Renyai*, sebuah tradisi yang masih utuh dan diamalkan oleh komuniti orang asal di Sarawak.

Seperti biasa kemuncak majlis ialah menari beramai-ramai. Para hadirin juga diberi peluang mencuba bakat tarian tradisi tarian buluh.

Study Day tentang pertobatan dan IKD

KUALA LUMPUR: Pelayan Kateketikal Keuskupan Agung Kuala Lumpur menganjurkan Study Day untuk para ko-ordinator, penyelaras dan mereka yang terlibat dalam Inisiasi Kristian Dewasa (IKD/RCIA).

Ia diadakan di Gereja Hati Suci Yesus, Jalan Peel pada hari Sabtu, pada Jun 24, 2023 dan disertai kira-kira 180 peserta daripada empat kumpulan bahasa: Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Mandarin dan Tamil.

Tema *Study Day*, "Pertobatan dan IKD" adalah untuk membantu mereka yang terlibat dalam pelayanan ini, bagaimana mereka dapat membantu calon baptis meninggalkan cara hidup lama. Ini adalah kerana, ramai yang berasa tidak yakin dengan tentang keberkesanan bimbingan atau pengajaran dalam pelayanan yang telah diamalkan oleh Tuhan.

Hari Study itu digunakan bagi memberi beberapa pencerahan dan panduan agar para pelayan Kateketikal lebih yakin dalam me-

nyokong para calon IKD dalam proses pertobatan mereka. *Study Day* dimulakan dengan doa rosari dan ucapan alu-aluan Msgr Stanislaus Soosamariam.

Kemudian, para peserta mengikuti sesi di ruang masing-masing: Sesi bahasa Inggeris dikendalikan oleh Fr. Alvin Ho, Fr. Simon Lau (Mandarin); Msgr. Stanislaus dan Sr. Retta Savariannan (Tamil) manakala sesi Bahasa Malaysia disampaikan oleh Dr. Steven Selvaraju dan Cik Stephanie Chia.

"Saya sentiasa terinspirasi dengan semangat dan kesungguhan para calon IKD ketika mereka dalam proses mengenal Yesus dan persiapan mereka untuk menjadi

seorang Katolik.

"Saya memikirkan, ia adalah proses biasa. Tetapi semua ini berubah selepas saya menghadiri *Study Day*. Kini saya lebih memahami peranan fasilitator dan peranan semuruh komuniti beriman dalam membantu setiap katekumen menjadi pengikut Kristus." kata Christina Andrew yang menghadiri sesi dalam Bahasa Malaysia.

Uskup Agung Julian Leow Beng Kim turut datang memberikan sokongannya dan mengucapkan terima kasih kepada para pelayan Kateketikal kerana menghadiri *Study Day* demi memperkasakan lagi pelayanan mereka.



Kumpulan Bahasa Malaysia mendengar sesi dari Stephanie Chia

Uskup Cornelius Piong sambut ulang tahun kelahiran bersama dua paderi



Bapa Uskup memotong kek perayaan sambil dibantu oleh para paderi, seminarian dan disaksikan oleh pengerusi mpp dan juga zon.

KENINGAU: Tidak ada lain yang diharapkan oleh Uskup Cornelius Piong sempena ulang tahun kelahirannya yang ke-74 melainkan doa daripada para umat.

Merayakan ulang tahun kelahiran pada Julai 1 lalu, Uskup Cornelius Piong bersama dua orang paderi, diraikan dalam majlis yang meriah di Pusat Ziarah Keluarga Kudus, Nulu Sosopon.

Dua orang paderi yang turut diraikan, merupakan paderi-paderi yang

melayani di Katedral St Francis Xavier (KSFX) iaitu Fr. Lazarous Uhin yang merayakan ulang tahun kelahiran ke-61 dan Fr. David Gasikol ke-38 tahun.

Ia dimulakan dengan perayaan Ekaristi yang dihadiri para paderi, religius, seminarian, ahli-ahli Majlis Pastoral Paroki KSFX dan umat.

Dalam homilinya, Bapa Uskup mengingatkan janji pembaptisan kita iaitu untuk hidup bersatu dan setia mengikuti Yesus. Prelatus itu

mengajak hadirin agar sentiasa meluangkan waktu untuk merenung Firman Tuhan agar sabda-Nya sentiasa hidup dan berkasa lebih-lebih lagi semasa menjalani masa sukar.

Pengerusi MPP KSFX, Sdri Nancy Joneh dalam ucapannya, menyampaikan doa dan ucapan daripada para umat, "Semoga rahmat dan cinta Tuhan senantiasa mencukupi dalam setiap langkah kehidupan dan karya pengembalaan." — *Melisa Ffolly*

Keuskupan Agung Kuching alu-alukan kedatangan paderi

KUCHING: Keuskupan Agung Kuching mengalu-alukan kedatangan seorang paderi misionari dari kongregasi Salesian Indonesia, Fr. Andre Delimarta SDB (gambar), yang kini melayani di

Gereja Holy Trinity, Kenyalang sebagai pembantu paderi paroki.

Sebagai paderi misionari, batas waktu maksimum pelayanan Fr. Andre adalah sepuluh tahun di Keuskupan Agung Kuching.

